

MANUAL PENGGUNA

SISTEM CABUTAN/SALINAN SIJIL KELAHIRAN YANG DIPERAKUI DALAM TALIAN

VERSI 1.1




JABATAN PENDAFTARAN NEGARA


SISTEM CABUTAN/SALINAN SIJIL KELAHIRAN YANG DIPERAKUI DALAM TALIAN

PROSES PENDAFTARAN PENGGUNA

1. **Layari Portal JPN : https://www.jpn.gov.my**
2. **Klik pada pautan Permohonan Cabutan / Salinan Sijil Kelahiran Yang Diperakui Dalam Talian di bawah tajuk Perkhidmatan "Dalam Talian".**



3. **Pengguna akan dibawa ke alamat https://oslhr.jpn.gov.my**




4. **Paparan utama laman sesawang sistem adalah seperti yang tertera.**



5. **Pengguna perlu mendaftar di Portal MyGovernment terlebih dahulu sebelum dibenarkan log masuk ke sistem.**
   i. **Klik butang Daftar Pengguna Baru untuk mendaftar bagi kali pertama; atau**
   ii. **Klik Log Masuk jika sudah mendaftar.**




6. **Laman pendaftaran pengguna baru akan dipaparkan.**




7. **Pengguna baru perlu mengisi dengan lengkap dan tepat semua maklumat yang diperlukan bagi proses pendaftaran**
   i. **Pastikan ruangan nama penuh di lengkapkan dengan nama sama seperti di kad pengenalan dan;**
   ii. **Alamat emel yang di berikan adalah wujud untuk tujuan penghantaran notifikasi pengaktifan pendaftaran akaun.**


8. **Pengguna akan menerima emel dari mygovernment@malaysia.gov.my.**
   Sila klik pada butang yang tertera bagi mengaktifkan akaun anda.



9. **Setelah klik pada pengesahan pendaftaran yang diemelkan, pemohon akan dipaparkan ke halaman utama web, di sini pemohon perlu mencipta kata laluan, mengesahkan kata laluan dan teks pengesahan (CAPTCHA) bagi proses pengaktifan akaun pengguna.**




10. **Pemohon akan dipaparkan ke notifikasi pengaktifan kata laluan perjaya, di sini pemohon klik seterusnya untuk log masuk kali pertama.**






11. Sebagai pengguna baru sistem, pengguna perlu memasukkan No MyKad atau emel dan kata laluan yang telah didaftarkan.



12. **Pengguna akan dibawa ke laman utama sistem setelah pengguna berjaya log masuk.**




SISTEM CABUTAN/SALINAN SIJIL KELAHIRAN
YANG DIPERAKUI DALAM TALIAN

PROSES PERMOHONAN CABUTAN/SALINAN SIJIL KELAHIRAN

1. **Pengguna hendaklah membaca semua terma & syarat yang telah disenaraikan.**
2. **Jika setuju dengan terma yang disenaraikan, sila klik pada butang Setuju untuk meneruskan permohonan.**

Jika tidak bersetuju, sila tekan butang "kembali" untuk ke laman utama.



Tekan butang "Setuju" sekiranya pemohon bersetuju dengan syarat yang dinyatakan


3. **Pengguna perlu memilih kategori permohonan sebagai pemilik atau waris.**
4. **Waris terdiri daripada:-**
   i. **Ibu Bapa,**
   ii. **Adik-beradik atau**
   iii. **Pasangan**



5. **Jika pengguna memilih kategori sebagai "Pemilik", sila lengkapkan borang permohonan tersebut.**




6. **Manakala jika pengguna memilih kategori permohonan sebagai "Waris", borang permohonan seperti berikut akan dipaparkan.**



7. **Berikut adalah paparan bagi permohonan yang berjaya didaftarkan, sila klik butang Cetak Slip Permohonan.**



8. Pengguna boleh mencetak slip permohonan untuk dibawa ke kaunter bagi urusan selanjutnya.



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
MALAYSIA

SLIP PERMOHONAN CABUTAN / SALINAN SIJIL KELAHIRAN YANG DIPERAKUI

MAKLUMAT PERMOHONAN

No. Slip Permohonan : [redacted]022634
Tarikh Permohonan : 15/07/2020 14:26:34

MAKLUMAT PEMILIK


No MyKad : [redacted]
Nama Pemilik : FIQAH
No Telefon : [redacted]
Tujuan Cabutan : URUSAN RASMI

Sila bawa / hadir:

1) Dokumen pengenalan diri pemohon asal dan salinan.
2) Slip permohonan sama ada dalam bentuk softcopy atau salinan.

* Sebarang pertanyaan sila hubungi no. telefon **03-8880 7856/7857/7852/7864.**
* Sila hadir ke **JPN Semanjung Malaysia, JPN Kota Kinabalu, JPN Kuching** atau **JPN Labuan** dalam tempoh **3 bulan dari tarikh permohonan.**
* Bayaran sebanyak **RM 5.00** hendaklah dilakukan di kaunter JPN semasa proses pengambilan cabutan / salinan sijil kelahiran yang diperakui.

9. **Jika permohonan gagal didaftarkan, pengguna perlulah hadir ke kaunter yang berdekatan dengan anda.**



10. **Sila klik butang “OK” untuk kembali ke halaman Terma & Syarat untuk log keluar.**



Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkenaan perkhidmatan Sistem Cabutan / Salinan Sijil Kelahiran yang Diperakui Dalam Talian ini, sila emel ke alamat berikut

psok@jpn.gov.my

untuk maklumat lanjut.

-Sekian, Terima Kasih-